

**UCAPAN YBHG. DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2015**  
**03 MAC 2015 (SELASA), JAM 10:00 PAGI**  
**SMK SRI MUDA, PENAGA**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis-ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ismail Zakaria**

Senior Manager

Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd

**Yang Berusaha Cik Kim Tan**

Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd

**Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Noor bin Yusof**

Pengetua Cemerlang SMK Sri Muda, Penanga

**Yang diraikan pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam Majlis  
Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2015**

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2015 pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pertama sekali MPSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SMK Sri Muda kerana membenarkan MPSP menggunakan lokasi pada pagi ini. Disamping itu, MPSP juga ingin mengucapkan ribuan terima kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd kerana telah menganjur dan menaja Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2010 dan tahun ini merupakan tahun yang keenam Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Sekolah Hijau.

Untuk makluman semua, pada tahun ini, pihak Continental telah berbesar hati untuk menambah Anugerah 5S bagi kedua-dua kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Anugerah Khas 5S iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Hadiah 5S ialah RM500.00.

Bagi kategori Sekolah Menengah jumlah anugerah yang disediakan adalah sebanyak 20 anugerah iaitu Johan (RM 2000.00), Naib johan (RM 1600.00) dan Emas (RM 1000.00), 6 Anugerah Perak (RM 600.00 / anugerah), 6 Anugerah Gangsa (RM 300.00 / anugerah) dan 5 Anugerah Khas iaitu

- i) sisa sifar ( RM 200.00),
- ii) kebersihan dan penghijauan (RM 200.00),
- iii) inovasi dan kreativiti (RM 200.00),
- iv) penglibatan komuniti (RM 200.00) dan
- v) 5S. (RM 500.00)

Bagi kategori sekolah rendah pula 28 Anugerah yang disediakan iaitu Johan (RM 2000.00) , Naib Johan (RM 1600.00) , 3 Anugerah emas (RM 1000.00 / anugerah) , 9 Anugerah Perak (RM 600.00 / anugerah), 9 Anugerah gangsa (RM 300.00 / anugerah) dan 5 Anugerah Khas iaitu

- (i) sisa sifar (RM 200.00),
- (ii) kebersihan dan penghijauan (RM 200.00),
- (iii) inovasi dan kreativiti (RM 200.00),
- (iv) penglibatan komuniti (RM 200.00) dan
- (v) 5S. (RM 500.00)

Selain itu, Continental akan terus menganjur program keselamatan jalan raya dan keselamatan diri sendiri di Sekolah Rendah yang terpilih. Pada tahun 2014, sebanyak 8 buah sekolah rendah telah mengadakan program, dan bagi tahun ini, program ini telah bermula di SK Assumption pada 26 Februari 2015.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP akan terus mengadakan bengkel sekolah hijau di sekolah-sekolah dengan modul latihan ceramah, latihan membuat kompos, membuat sabun dengan minyak masak terpakai, membuat jus buah-buahan terpakai dan pengasingan sampah. Walaupun pelancaran Anugerah Sekolah Hijau hanya dilaksanakan pada hari ini, tetapi bengkel hijau ini telah bermula sejak bulan Januari yang lalu. Bagi tahun ini MPSP mensasar sebanyak 150 buah sekolah akan menyertai Anugerah Sekolah Hijau iaitu dengan pertambahan 44 buah sekolah berbanding tahun 2014. Sejak tahun 2010, penyertaan Anugerah Sekolah Hijau meningkat dari tahun ke tahun.

- Tahun 2010 : Penyertaan oleh 30 buah sekolah
- Tahun 2011: Penyertaan oleh 36 buah sekolah
- Tahun 2012: Penyertaan oleh 53 buah sekolah
- Tahun 2013: Penyertaan oleh 86 buah sekolah
- Tahun 2014: Penyertaan oleh 106 buah sekolah

Pada tahun 2015, MPSP juga telah menetapkan Visi dan misi untuk Sekolah Hijau

- ***Visi : Sekolah Hijau Penggerak Kelestarian Alam Sekitar***
- ***Misi : Berusaha berterusan bersama MPSP bagi merealisasikan amalan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle demi generasi akan datang***

Selain daripada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd, MPSP juga amat berbesar hati kerana menerima tajaan dari Guppy Plastic Industries Sdn Bhd dimana mereka akan terus memberi pasu-pasu bunga kepada sekolah-sekolah yang kali pertama menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Bagi sekolah-sekolah yang telah menerima pasu-pasu bunga pada tahun yang lalu dan awal tahun ini, pihak sekolah masih boleh membuat permohonan dengan Urusetia LA21 MPSP.

Selain daripada Anugerah Sekolah Hijau, MPSP juga mengadakan pertandingan melukis poster Kempen Makan Sampai Habis bersama *Penang Green Council* (PGC). Sehingga kini, MPSP telah menerima penyertaan daripada 42 Sekolah Rendah dan 18 Sekolah Menengah. Untuk pertandingan melukis poster ini, tarikh tamat untuk penghantaran lukisan poster tersebut

telah dilanjutkan 28 Mac 2015. Mana-mana sekolah yang berminat tetapi masih belum menghantarkan penyertaan boleh berbuat demikian sebelum 28 Mac 2015. Mulai bulan April, Pasukan Kerja LA21 akan mempamerkan poster-poster tersebut kepada orang ramai untuk memilih poster yang terbaik. Poster-poster akan dipamerkan di lobi MPSP dan laman web MPSP untuk undi secara *on-line*. Warga Seberang Perai boleh mengundi sekali sahaja dan akan dapat hadiah ganjaran mengundi. Ini juga mendidik pelajar-pelajar untuk mahir dalam ICT dan undian secara *on-line*.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pasukan Kerja LA21 juga akan mengadakan pertandingan mengumpul bahan-bahan kitar semula bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai. Setiap kg jualan akan diberi mata ganjaran untuk layak mendapat alat-alat senaman tajaan Infitech Machinery Sdn Bhd iaitu smart partnership (4ps) dengan syarikat tersebut. Pertandingan ini akan dilancarkan pada 26 Mac 2015 di Megamal Perai. Semogo sekolah-sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau juga boleh menyertai pertandingan mengumpul bahan-bahan kitar semula. Disini, saya juga ingin memaklumkan bahawa sekolah-sekolah dibekal minuman susu percuma, kotak-kotak minuman tersebut boleh dikitar semula dan MPSP dengan kerjasama Tetra Pak Malaysia juga akan mengadakan pertandingan pengumpulan kotak-kotak minuman untuk dikitar

semula. Pelbagai jenis pertandingan yang diadakan oleh MPSP dengan kerjasama agensi-agensi swasta ini adalah untuk memupuk sikap kitar semula di kalangan para pelajar dan secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan MPSP dalam Pengurusan Sisa Pepejal. Ini kerana bebanan kewangan MPSP juga akan meningkat apabila kita perlu mencari kaedah terbaik untuk melupuskan sisa pepejal yang semakin meningkat dan keperluan untuk mematuhi syarat penjagaan alam sekitar yang semakin ketat.

Saya baru sahaja kembali dari Manila, Filipina kerana dijemput oleh UN-Habitat sebagai panel di dalam Mayor's Forum. Di peringkat antarabangsa, mereka telah bersetuju untuk menjadikan "Public Spaces" sebagai satu agenda yang akan dibincangkan dalam UN-Habitat III pada tahun 2016. Kawasan sekolah juga adalah public space yang perlu dijaga dari segi kehijauan dan keindahan dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti. Selain itu, MPSP juga telah menjadi ahli dalam ICLEI International Council Local Environment. Saya telah dilantik sebagai ahli di peringkat Regional South East Asia dan juga di'*elacted*' mewakili Southeast Asia di peringkat jawatankuasa Global. Ini menunjukkan global memandang serius tentang usaha MPSP terutamanya tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar dalam pengurusan Alam Sekitar. Ini merupakan satu pengiktirafan untuk Seberang Perai.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua sekolah yang mengambil bahagian dan kepada para hadirin kerana meluangkan masa dan tenaga dalam Majlis Pelancaran ini.

Ucapan terima kasih kepada penaja Program Anugerah Sekolah Hijau, Continental Automative Components Malaysia Sdn. Bhd. kerana sanggup dan setia bekerjasama dengan MPSP dalam program ini.

Saya dengan ini merasmikan Program Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2015 dan Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.